

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Jaminan Insurans Pekerja Asing anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 01/01/2026

1. Apakah Jaminan Insurans Pekerja Asing?

Jaminan Insurans Pekerja Asing merupakan satu jaminan yang diwajibkan oleh Jabatan Imigresen di bawah Peraturan 21 daripada Peraturan Imigresen daripada majikan. Ia berfungsi sebagai satu deposit sekuriti bagi pekerja-pekerja asing yang diupahkan oleh mereka di dalam pelbagai sektor kerja.

Insurans ini menjamin Ketua Pengarah Jabatan Imigresen akan dilindungi bagi kos penghantaran pulang sekiranya mana-mana pekerja asing perlu dihantar balik ke negara asal mereka.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium RM 50.00 (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) untuk tempoh 18 bulan, anda akan menerima perlindungan insurans berikut untuk seorang pekerja Indonesia:

Polisi/sijil ini meliputi:	Polisi/sijil ini tidak termasuk:
Jumlah jaminan sebanyak RM250 bagi setiap pekerja	Sebarang tuntutan yang timbul atau tidak berkaitan dengan sebab-sebab yang dinyatakan di bawah Peraturan 21 Jabatan Imigresen Malaysia.
Tempoh perlindungan insurans ditetapkan oleh Jabatan Imigresen mengikut permit kerja, sama ada 13, 18 atau 26 bulan. Anda perlu membeli jaminan baharu apabila memperbaharui permit pekerja anda.	
Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh manfaat dan pengecualian.	
Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Jaminan Insurans Pekerja Asing anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744)
atau 603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Email kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Jaminan Insurans Pekerja Asing, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard	: RM50.00 (minimum) - 18 bulan
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	: RM10.00
Komisen (10%)	: RM5.00 (Termasuk dalam premium)
Cukai Perkhidmatan (8%)	: RM4.00
Jumlah premium yang perlu dibayar	: RM64.00

4. Syarat dan Terma Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan.
- Jaminan Insurans yang ditawarkan di bawah skim ini tidak termasuk pembantu rumah asing.
- Jumlah jaminan dan tempoh insurans adalah ditetapkan terlebih dahulu oleh Jabatan Imigresen mengikut kewarganegaraan pekerja itu, di antara RM250 hingga RM1,500 bagi setiap pekerja asing.
- Kadar premium adalah 1% daripada jumlah jaminan setiap tahun tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM50.00 (tidak termasuk cukai).
- Premium mesti dibayar dengan sepenuhnya sebelum tarikh berkuat kuasa.

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

- (a) Tidak, jika polisi telah diserahkan kepada Jabatan Imigresen.
- (b) Ya, jika polisi belum diserahkan kepada Jabatan Imigresen.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.